

**PENERAPAN UNSUR-UNSUR PATRIOTISME  
MELALUI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN  
PENSYARAH POLITEKNIK**

RAMLAH @ AYU BINTI MD YUSOF

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Jabatan Ikhtisas Pendidikan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

NOVEMBER, 2007

*Khas buat insan-insan yang terismewa.....*

*Keluarga tercinta,*

*Ibu yang memahami, Sahara Binti Manan*

*Pengorbananmu adalah semangat dan kekuatan buatku.....*

*Makcik tersayang, Hajjah Mahani Binti Ibrahim*

*Doamu adalah hadiah yang paling berharga untukku*

*Kakak yang dirindu, Sarimah Binti Mohd Yusof*

*Adik yang dikagumi, Nur Faizah Binti Hj Saibul*

*Kalian adalah sumber inspirasiku....*

*Arwah kakak dan nenek yang sentiasa dalam ingatan,*

*Allahyarhamah Latipah Binti Mohd Yusof dan Rahimah Binti Md Shaari*

*Semoga ditempatkan bersama orang-orang soleh dan beriman....*

*Keluarga Abangku yang dikasih, Adnan Bin Mat Jali,*

*Isterinya, Rohana Binti Abdul Rahman dan anak-anaknya*

*Kehadiran kalian amat bermakna dalam hidupku....*

*Yang Sentiasa Memberi Dorongan Untukku*

*Dan rakan-rakan seperjuangan yang dikasih sekalian..*

*Terima Kasih Atas Segalanya*

## PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, saya merakamkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapatlah saya menyiapkan projek sarjana ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Hussain Bin Othman, selaku penyelia projek yang sering memberi pandangan, nasihat dan tunjuk ajar di dalam menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Penghargaan ikhlas ini juga ditujukan kepada pihak Politeknik-politeknik yang terlibat, para pensyarah dan semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang banyak membantu serta memberikan kerjasama dalam proses untuk menyiapkan projek ini. Tidak ketinggalan juga pensyarah-pensyarah dan kakitangan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi di atas segala kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan atas segala suka duka yang dilalui bersama.

## ABSTRAK

Semangat patriotisme menjadi asas kepada perpaduan kaum, pembinaan sahsiah manusia dan peningkatan semangat cintakan tanah air. Ia perlu dipertahankan dan dipupuk dengan apa jua cara khususnya menerusi sistem pendidikan formal mahupun tidak formal. Berasaskan kepada hakikat ini, maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keperluan, kemampuan dan kesediaan pensyarah menerapkan unsur-unsur patriotisme melalui proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik. Kajian berbentuk tinjauan deskriptif ini dijalankan di dua buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) Behrang, Perak dan Politeknik Merlimau (PMM), Melaka. Sampel kajian dipilih secara rawak berlapis yang terdiri daripada pensyarah kejuruteraan di Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Responden bagi kajian ini adalah seramai 169 orang pensyarah. Instrumen kajian yang digunakan adalah set soal selidik yang dibina berasaskan objektif kajian. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Hasil analisis data ini dijelaskan secara deskriptif iaitu dalam bentuk skor min dan menggunakan ujian-t satu sampel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud keperluan, kemampuan dan kesediaan pensyarah untuk menerapkan unsur-unsur patriotisme melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa cadangan dikemukakan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan penerapan unsur-unsur patriotisme kepada pelajar serta kajian-kajian lanjutan yang boleh diteruskan.

## ABSTRACT

Patriotism is a core value for social solidarity, human development and the spirit of loving our country. It should be protected and inculcated in any cause particularly through educational system, be it formal or informal. Realizing this situation, this study was conducted purposely to identify the need, the ability and the preparedness of the lecturers at polytechnics to inculcate patriotic values through teaching and learning process. This descriptive research was conducted among engineering lecturers at Sultan Azlan Shah Polytechnic, Behrang, Perak and Merlimau Polytechnic, Malacca. A total number of 169 respondents were selected using stratified random sampling. The research instrument is a set of questionnaire developed based on the stipulated objectives of the study. The data analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS). The analysis described in terms of mean score and the hypothesis was then tested using one sample t-test. Finding shows that there exist the needs, the ability and the preparedness of the lecturers at polytechnics to inculcate patriotic values through their teaching and learning process. A number of suggestions have been made in order to increase the effectiveness of the deliverance of patriotic values to the student and as well as for the future studies.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
--------------	--------------------	--

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	9
1.3	Pernyataan Masalah	15
1.4	Kerangka Konsep	17

1.5	Tujuan Kajian	18
1.5.1	Objektif Kajian	19
1.5.2	Persoalan Kajian	19
1.6	Kepentingan Kajian	20
1.7	Hipotesis Kajian	21
1.8	Skop Kajian	22
1.9	Batasan Kajian	23
1.10	Definisi Istilah	23
1.10.1	Penerapan	24
1.10.2	Unsur-Unsur Patriotisme	24
1.10.3	Pengajaran Dan Pembelajaran	24
1.10.4	Mata Pelajaran Kejuruteraan	25
1.10.5	Bersepadu	26
1.11	Rumusan	27

## BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Patriotisme	29
2.3	Kepentingan Patriotisme	32
2.4	Globalisasi Patriotisme	35
2.5	Patriotisme Dalam Pendidikan	37
2.6	Kajian-Kajian Berkaitan	41
2.7	Rumusan	46

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Lokasi Kajian	48
3.4	Populasi Kajian	49
3.5	Sampel Kajian	50
3.6	Instrumen Kajian	53
	3.6.1 Soal Selidik	53
	3.6.2 Skala Likert	55
	3.6.3 Pembangunan Item Dalam Soal Selidik	55
3.7	Kajian Rintis	58
3.8	Pengumpulan Data	60
3.9	Kaedah Menganalisis Data	60
3.10	Kerangka Operasi	63
3.11	Batasan Kajian	65
3.12	Andaian	65
3.13	Rumusan	66

**BAB IV ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	67
4.2	Demografi Responden	68
	4.2.1 Jantina	68
	4.2.2 Umur Responden	69
	4.2.3 Jabatan	70
	4.2.4 Pendidikan Tertinggi	71
	4.2.5 Tempoh Perkhidmatan	72
	4.2.6 Kursus Berkaitan Patriotisme	73



4.3	Keperluan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme	74
4.3.1	Kepentingan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme	74
4.3.2	Pendekatan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme	76
4.4	Kemampuan Menerapkan Unsur-Unsur Patriotisme	78
4.4.1	Latihan Dan Kursus	78
4.4.2	Pengetahuan Sedia Ada	79
4.4.3	Kelulusan Dan Kelayakan	81
4.5	Kesediaan Pensyarah Menerapkan Unsur-Unsur Patriotisme	82
4.5.1	Rancangan Mengajar	82
4.5.2	Pedagogi	84
4.6	Soal Selidik Terbuka	86
4.7	Rumusan Analisis Kajian	89

## BAB V

## PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	90
5.2	Perbincangan	91
5.2.1	Demografi Responden	91
5.2.2	Keperluan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme Melalui Pengajaran dan Pembelajaran.	92
5.2.3	Kemampuan Menerapkan Unsur-Unsur Patriotisme Melalui Pengajaran dan Pembelajaran.	95

5.2.4	Kesediaan Pensyarah Menerapkan Unsur-Unsur Patriotisme.	98
5.2.5	Perbezaan Skor Min Keperluan, Kemampuan dan Kesediaan Pensyarah.	100
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	101
5.4	Cadangan	102
5.4.1	Pensyarah	102
5.4.2	Pihak Politeknik	104
5.4.3	Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPTM).	105
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	106
5.6	Kesimpulan	107

**RUJUKAN**

109

**LAMPIRAN**

116



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Populasi Kajian	50
3.2	Spesifikasi Soal Selidik	54
3.3	Skala Likert dan Skor	55
3.4	Bilangan Item Bagi Soal Selidik	57
3.5	Jadual Tahap Kecenderungan	61
3.6	Kaedah Penganalisan Data Berdasarkan Persoalan kajian	62
4.1	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina (N=169)	68
4.2	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Umur (N=169)	69
4.3	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jabatan (N=169)	70
4.4	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Pendidikan (N=169)	71
4.5	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan (N=169)	72
4.6	Kursus Berkaitan Patriotisme Yang Dihadiri Mengikut Bilangan dan Peratusan Responden (N=169)	73
4.7	Nilai Min Bagi Kepentingan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme (N=169)	75

4.8	Nilai Min Bagi Pendekatan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme (N=169)	77
4.9	Nilai Min Bagi Latihan dan Kursus (N=169)	79
4.10	Nilai Min Bagi Pengetahuan Pensyarah (N=169)	80
4.11	Nilai Min Bagi Kelulusan dan Kelayakan Pensyarah (N=169)	81
4.12	Nilai Min Bagi Kesediaan Rancangan Mengajar Pensyarah (N=169)	83
4.13	Nilai Min Bagi Pedagogi Pensyarah Politeknik (N=169)	85
4.14	Kekerapan dan Peratus Pendapat Tentang Keperluan (N=169)	87
4.15	Kekerapan dan Peratus Cadangan Kaedah Penerapan (N=169)	88
5.1	Ujian-T Satu Sampel Bagi Keperluan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme.	93
5.2	Ujian-T Satu Sampel Bagi Kemampuan Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik.	96
5.3	Ujian-T Satu Sampel Bagi Kesediaan Pensyarah Menerapkan Unsur-Unsur Patriotisme Di Politeknik.	99



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Penerapan Unsur-Unsur Patriotisme Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik	17
3.1	Kaedah Pensampelan Kajian	52
3.2	Kerangka Operasi Kajian	64



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

## SENARAI SINGKATAN

AADK	-	Seminar Agensi Antidadah Kebangsaan
BTN	-	Biro Tatanegara
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
JASA	-	Jabatan Hal Ehwal Khas
JKA	-	Jabatan Kejuruteraan Awam
JKE	-	Jabatan Kejuruteraan Elektrik
JKM	-	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
KBNA	-	Kursus Bina Negara Asas
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KUITTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PBK	-	Pengajaran Dan Pembelajaran Berbantuan Komputer
PERASA	-	Program Pembimbing Rakan Sebaya
PLTV	-	Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional
PMM	-	Politeknik Merlimau, Melaka.
PSAS	-	Politeknik Sultan Azlan Shah Behrang, Perak
SPSS	-	<i>Statistical Packages For Social Science</i>
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**SENARAI SIMBOL**

$H_a$	-	Hipotesis Alternatif
$H_0$	-	Hipotesis Null
%	-	Peratus
N	-	Jumlah Sampel Kajian
P	-	Kebarangkalian
$\alpha$	-	Alpha Cronbach



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Sampel Sizes Jadual R.V. Krejcie and D.W.Morgan	116
B	Surat Pengesahan Pakar	118
C	Borang Soal Selidik	124
D	Keputusan Kajian Rintis ( <i>Alpha Cronbach</i> )	125
E	Keputusan Analisis Data	134
F	Surat Kebenaran	136





## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Semangat patriotisme adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat ketahanan diri, berani, bersemangat wira dan dapat menyumbang kepada kepentingan bangsa dan negara. Semangat patriotisme ini penting dalam usaha mencorakkan semangat baru masyarakat Malaysia dan generasi muda yang kian berubah mengikut peredaran masa tetapi semakin ketandusan nilai-nilai dan semangat patriotisme.

Pengertian umum yang diberikan tentang patriotisme ialah perasaan cinta kepada tanah air. Perasaan ini pula merupakan satu pancaran sikap, perlakuan dan dijemakan juga dalam bentuk perlambangan. Bendera dan lagu kebangsaan adalah unsur yang paling asas bagi perlambangan ini. Nilai yang diberi kepada kedua-dua lambang ini amat tinggi, kerana kita menghormati bendera kebangsaan dan lagu kebangsaan. Semasa lagu kebangsaan dimainkan, bendera kebangsaan akan dinaikkan dan kita akan menabik atau berdiri tegak sebagai tanda menghormatinya (Mohd Taib, 1998).

Patriotisme bererti semangat cinta kepada tanah air atau taat kepada negara, melepasi perasaan taat kepada bangsa. Negara mempunyai lambang-lambang atau institusi-institusi tertentu yang boleh digunakan untuk membentuk semangat patriotisme ini misalnya, bendera kebangsaan (Jalur Gemilang), lagu kebangsaan (Negaraku), konsep raja sebagai institusi atau lambang kedaulatan negara (Raja Berperlembagaan), perlembagaan negara dan sistem undang-undang negara (Hassan, 2001).

Ukuran patriotisme pula cukup subjektif dan amat luas ertinya. Patriotisme bukan isu politik atau gimik dan tidak sekadar semangat. Ia lebih bersifat spiritual, rasa kecintaan yang kekal dan tebal kepada negara yang turut dicirikan oleh beberapa nilai seperti kesungguhan, keyakinan, keberanian dan kesinambungan. Pendek kata, patriotisme bukan hanya di bibir sahaja. Ia harus lahir secara semula jadi sebagai sesuatu yang dirasai dan di tafsir daripada degup jantung dan di jiwa setiap rakyat Malaysia.

Nilai-nilai semangat kenegaraan harus ditekankan terhadap golongan belia supaya kemajuan dan kemahiran di dalam bidang yang diceburi tidak terlepas ke negara luar. Semangat kenegaraan ini akan menyuburkan perasaan cintakan tanah air, secara tidak langsung akan mewujudkan kesanggupan golongan belia untuk berkorban jiwa dan raga. Golongan belia adalah pewaris negara seterusnya bakal menyambung teraju dan perjuangan pemimpin terdahulu. Apabila sampai masanya pemimpin yang ada pada hari ini akan berundur dan tibalah barisan muda mengambil alih. Sewajarnya bagi memastikan kesinambungan perjuangan diteruskan, pemimpin muda perlu mengisi dada dengan ilmu dan kemahiran kepimpinan serta menanam semangat cintakan negara (patriotisme), sebelum mengorak langkah memegang tampuk pemerintahan.

Justeru itu, usaha membentuk budaya bangsa Malaysia terutamanya golongan belia yang positif bercirikan patriotisme, jati diri dan waja diri dalam usaha membangunkan negara dan mempertahankan kedaulatan Malaysia yang bermaruah, dihormati dan disegani oleh semua pihak selaras dengan matlamat Wawasan 2020 adalah amat perlu. Oleh itu, adalah amat penting kita memikirkan kaedah baru bagi menyemarakkan semangat patriotisme generasi pasca merdeka ini. Kemungkinan cara melahirkan penghayatan patriotisme yang terdahulu tidak lagi dapat menghimbau patriotisme generasi pascamerdeka kerana generasi ini tidak tersentuh oleh faktor-faktor yang sama dengan generasi terdahulu. Mungkin sudah tiba masanya kita lebih serius di dalam menanamkan semangat patriotisme kepada generasi muda (Hanapi, 2001).

Pembentukan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi terutama di kalangan generasi muda wajar diterapkan menerusi kata-kata semangat yang melambangkan semangat patriotisme dan sejarah kemerdekaan adalah seperti :

Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

Ke bukit sama didaki, ke lurah sana dituruni.

Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

Peganglah kuat-kuat kemerdekaan yang engkau peroleh kerana kemerdekaan itu amat sedikit sekali di dunia ini.

(Shaikh Mohd Saifuddeen dan Wan Roslili, 2001)

Bukan kecil tugas kita, meneruskan perjuangan kemerdekaan kita, ... kerana rupanya selain memerdekakan, mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara.....

(Ucapan Seminar Dato' Seri Tun Dr Mahathir Mohamed, 4 Mei 1996)

Sehubungan dengan itu, untuk menggalakkan dan menyuburkan semangat patriotisme, kekuatan dalaman sesebuah negara perlu diwujudkan terlebih dahulu. Di sinilah terletaknya kepentingan perpaduan dan integrasi nasional. Ia melibatkan suatu proses yang mencorakkan dan membentuk sikap, pemikiran dan nilai dalam kalangan penduduk terhadap negara bangsanya. Unsur ini lazimnya di manifestasi melalui ketaatan, komitmen, rasa tanggungjawab dan sentiasa bersedia meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan yang lain. Tegasnya, ia berusaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Banyak perumpamaan yang menyentuh tentang nilai-nilai kenegaraan seperti :

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat.

Bersatu teguh, bercerai roboh.

Inilah patriotisme negara bangsa iaitu bangsa Malaysia akan mengukuhkan agenda utama negara menjadi satu bangsa yang merdeka dan berdaulat. Oleh itu, patriotisme adalah sesuatu yang abstrak. Ia lahir daripada tindakan atau perjuangan seseorang yang berasaskan kepentingan negara, agama dan bangsa. Perasaan, kesedaran dan penghayatan patriotisme boleh digunakan sebagai salah satu unsur pembangunan sumber daya manusia. Secara fitrahnya manusia sering mengutamakan diri sendiri, tetapi dalam suasana kelompok, organisasi, berkeluarga, berjiran, bermasyarakat kita dituntut untuk memiliki rasa kekitaan. Rasa kekitaan ini

boleh dipertingkatkan sebagai rasa kenegaraan. Oleh itu, semangat cintakan tanah air merupakan kesedaran awal kepada rasa kenegaraan dan kekitaan tersebut.

Masyarakat patriotik ialah masyarakat yang cinta kepada alam serta berupaya memaju, melindungi dan memuliharanya. Masyarakat patriotik juga adalah masyarakat yang anggotanya bersopan santun, beradab, bertatasusila luhur dan mematuhi undang-undang serta peraturan. Untuk mencapai ke peringkat tersebut, pemupukan nilai-nilai murni menerusi pendidikan secara berkesan penting kerana pembangunan material serta kepesatan perkembangan ekonomi semata-mata belum menjanjikan terbinanya masyarakat yang bermoral. Patriotisme merangkumi kecintaan dan kesetiaan terhadap negara serta mengamalkan semangat kekitaan dan berbangga menjadi rakyat Malaysia. Hakikatnya, kecintaan pada bangsa dan negara seharusnya tidak perlu dikempenkan. Usaha itu sebenarnya tiada mempunyai penghujungnya dan semangat patriotisme tidak akan luntur ditelan zaman, malah ia akan menjadi darah daging turun temurun generasi akan datang.

Semangat cintakan tanah air ini juga akan dapat memupuk rasa penghargaan dan bangga menggunakan dan membeli apa sahaja produk tempatan yang dihasilkan. Kejayaan ini bukan sahaja akan memberi respons positif terhadap segala kempen Belilah Barangan Buatan Tempatan yang dikelola kerajaan, malah kejayaan ini juga dilihat berupaya menjana pasaran produk tempatan bagi kegunaan masyarakat. Oleh itu, menyokong dan membeli barangan buatan tempatan juga tidak sahaja mencerminkan patriotisme malah boleh mengurangkan import barangan bagi memastikan ekonomi negara terus terpelihara (Abdul Latiff, 1998).

Menghayati keindahan tanah air sendiri juga adalah sebahagian daripada nilai patriotisme yang perlu tersemat di sanubari setiap rakyat. Konsep melancong dalam negara sepatutnya diterima secara meluas dan dijadikan satu budaya kerana ia akan mendekatkan lagi rasa kecintaan kepada tanah air. Destinasi pelancongan bukan terhad kepada pantai, air terjun atau hutan lipur tetapi turut meliputi keindahan semula jadi, ladang getah dan kelapa sawit yang menghijau serta rumah-rumah

tradisional kampung di sepanjang perjalanan ke destinasi itu. Kecintaan kepada alam sekitar atau pro-persekitaran dengan mematuhi undang-undang dan akta yang berkaitan dalam pengurusan hasil bumi juga boleh dikaitkan dengan patriotisme.

Wartawan dengan pelbagai cara berusaha membangunkan masyarakat dengan menggunakan pelbagai media cetak dan elektronik untuk menyebarkan dan meluaskan semangat patriotisme dalam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Wartawan Malaysia daripada pelbagai kaum dan dari pelbagai media cetak dan elektronik telah membuktikan bahawa mereka sebagai wartawan juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dalam menjaga maruah dan kedaulatan negara kita. Inilah salah satu contoh kecil pengorbanan para wartawan untuk mempertahankan maruah negara. Oleh itu, sebenarnya para wartawan Malaysia adalah bertanggungjawab untuk menimbulkan rasa kesedaran yang mendalam dan keinginan mempertahankan negara kita daripada serangan para media Barat yang cuba merosakkan imej pemimpin dan negara kita di mata dunia (Yazid, 2002).

Zairee (2003), menyatakan bahawa sukan dan politik adalah dua bidang berbeza tetapi bergerak seiring dan saling memerlukan demi perpaduan dan kekuatan mental dan fizikal rakyat sesebuah negara seperti Malaysia. Malah sukan dikenal pasti sebagai salah satu cabang integrasi nasional dan alat penyatuan kaum yang berkesan untuk membina semangat patriotik dan cintakan negara sehingga atlet kebangsaan mampu mengecap pelbagai kejayaan sejak mendapat kemerdekaan daripada penjajah. Ini kerana sukan banyak mengajar kita tentang disiplin, pengorbanan, perjuangan dan ketahanan mental. Sukan bukan sekadar pertandingan, permainan ataupun riadah semata-mata. Malah ia lebih dari itu, di mana arena sukan merupakan suatu pentas di mana perpaduan kaum dan semangat cintakan negara dapat dipupuk. Bagi atlet-atlet, mereka bersatu padu tidak kira perbezaan agama, budaya dan bekerjasama untuk mencapai kemenangan bagi pasukan mereka. Bagi pemerhati dan peminat sukan pula, mereka juga bersatu padu memberi sokongan kepada pasukan negeri atau negara mereka yang bertanding.

Dalam keadaan itu, perpaduan serta semangat patriotik mampu dipertingkatkan. Kesimpulannya sukan adalah salah satu cara yang berkesan untuk kita jadikan landasan pembangunan semangat dan kekentalan ini (Ucapan Perasmian Kejohanan Kanu Kebangsaan Putrajaya, 2006)

Usaha-usaha untuk memupuk kesedaran dan membangkitkan semangat rakyat supaya kasihkan negara ini akan sentiasa diusahakan. Semangat cintakan tanah air ini perlu sentiasa dipupuk, supaya rakyat Malaysia tidak akan menjadi masyarakat yang lebih mementingkan diri daripada masyarakat dan negara. Ini kerana, apabila rakyat mengutamakan negara, bukan sahaja negara menjadi makmur tetapi rakyat juga bahagia. Untuk menjadi masyarakat yang berbahagia kita perlu memiliki nilai-nilai kemasyarakatan yang tinggi. Kesan daripada itu kita telah menggubal lima asas falsafah negara kita yang dipanggil Rukun Negara. Rukun-rukun ini tidak bertentangan dengan agama kita, dan jika ia benar-benar berpegang kepada rukun-rukun ini nescaya negara kita akan menjadi stabil dari segi politik dan pesat membangun dari segi ekonomi tanpa menjadi terlalu materialistik.

Semangat cinta kepada negara juga, boleh dipupuk walaupun hanya dengan nyanyian. Dengan menyanyikan lagu-lagu patriotik ini, kita boleh memahami dengan lebih mendalam erti kemerdekaan. Ini kerana lagu-lagu patriotik mampu membantu pemahaman mengenai kemerdekaan dengan lebih baik. Nyanyian lagu-lagu patriotik ini bertujuan merapatkan hubungan dan dapat memupuk semangat kerjasama dan setia kawan. Antara lagu-lagu patriotik adalah seperti Keranamu Malaysia, Jalur Gemilang, Bahtera Merdeka, Sejahtera Malaysia, Malaysiaku Gemilang dan sebagainya (Jabatan Penerangan Malaysia, 2006). Secara tidak langsung ia mampu menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan semua pihak. Justeru, melalui pendekatan nyanyian, mesej yang ingin disampaikan mampu diterima dengan lebih mendalam oleh masyarakat. Pendidikan dalam bentuk nyanyian juga merupakan pengisian terpenting dalam kemerdekaan kerana ia mampu mengubah nasib masyarakat itu untuk menjadi lebih gemilang.

Kehidupan yang diselubungi kemewahan dan kesenangan dalam kalangan sebahagian generasi muda masa kini adalah antara faktor yang memang secara tidak langsung menghakis semangat patriotisme kerana kebanyakan mereka tidak diuji semangat patriotiknya. Berikutan itu, usaha memupuk semangat cinta dan sayangkan tanah air perlu terus dipupuk dalam kalangan generasi muda di negara ini supaya kemerdekaan negara dapat dipertahankan bagi mengekang penjajahan minda. Dalam hal ini peranan ibu bapa penting untuk menyedarkan anak muda dan menyuburkan semangat patriotisme dan nasionalisme, sekali gus membantu menjadikan negara ini terus berdaulat dan mencapai wawasan yang diimpikan (Abd Karim, 1998).

Kita tahu patriotisme atau sifat patriotik juga harus merangkumi usaha meningkatkan martabat bangsa dan negara serta menyumbang kepada ketamadunan manusia. Patriotisme perlu digalakkan bagi menjamin ketahanan nasional dan jati diri bangsa untuk meredah era globalisasi yang mencabar dan memerlukan semangat juang yang tinggi. Sebagai sebuah negara berbilang bangsa maka tanggungjawab mempertahankan negara dan meningkatkan martabat bangsa sepatutnya tidak terletak di bahu sesuatu kaum sahaja. Semangat patriotik perlu dihayati oleh semua kaum dan ini adalah teras kepada pertahanan negara yang kental dan mantap. Kepentingan peribadi perlu diseimbangkan dengan semangat patriotisme dan kesanggupan berkorban nyawa untuk mempertahankan kedaulatan (Abdul Latiff, 1998).

Semangat patriotisme dan jati diri bangsa ini amat perlu dipupuk, amat perlu dibangunkan dan amat perlu disematkan sebagai bekalan dan sokongan utama kepada masyarakat. Ini kerana tanpa semangat cintakan Negara kita akan lemah, tidak mempedulikan masa depan kita dan akhirnya tersungkur seperti masa lalu ketika dijajah. Kerana itulah kita perlu memastikan semangat patriotisme ini perlu sentiasa bertiup kencang, berpaut kuat dan bertali arus di dalam minda dan hati rakyat Malaysia.



## RUJUKAN

Abd. Karim bin Hj. Ab. Wahab (1998). "Semangat Patriotisme Yang Semakin Goyah Perlunya Penguatkuasaan : Suatu Tinjauan Dari Sudut Pendidikan." *Jurnal Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)*. Jilid 1.

Abdul Latiff Abu Bakar (1998). "Patriotisme dan Nasionalisme : Satu Pandangan dan Renungan." *Jurnal Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)*. Jilid 1.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1999). "Pendidikan Sejarah ; Falsafah Teori dan Amalan." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Rahim Abdul Rashid (2001). "Perubahan Paradigma Nilai : Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ahmad Fawzi Mohd Basri (2000). "Kumpulan Kertas Kerja Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia." (Jilid 2). Kuala Lumpur : Arkib Negara Malaysia.

Aidit Hj. Ghazali dan Husnizaim Yahaya (1996). "Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005 : Satu Pengamatan. Kuala Lumpur : Institut Perkembangan Minda (INMIND) Kuala Lumpur.

Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A Jawan (Eds.). (1997). "Kenegaraan Malaysia." Serdang : Universiti Putra Malaysia.

Babbie, Earl R (2002) "The Basic Of Social Research (2nd ed)." USA : Thomsam Learning/Wadworth.

- Chua, Yan Piaw (2006). "Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Asas Statistik Penyelidikan." Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Ensiklopedia Dunia (2005). Jilid 16. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haminah bt Suhaibo (1999). "Kefahaman dan Amalan Unsur Patriotisme Melalui Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah Atas." Sabah : Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Hanapi Dollah (2001). "Remaja dan Jati Diri." Dewan Budaya. Februari. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad (2001). "Semangat Cintakan Negara Vs Semangat Cintakan Bangsa." Dewan Budaya. Februari. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Penerangan Malaysia (2006) "Perpaduan Rakyat : Asas Kecemerlangan Negara." Kuala Lumpur : Kementerian Penerangan Malaysia.
- Jack R.F and Norman E.W (1996). "How To Design and Evaluate Research In Education." New York : Mcgraw Hall Inc.
- Jailani B. Md Yunos, Wan Mohd Rashid B. Wan Ahmad, Noraini Bt Kaprawi dan Wahid B. Razally (2006). "System Of Technical & Vocational Education & Training In Malaysia (TVET) : 2nd International TT-TVET EU-Asia\_Link Project Meeting, Vede Malang, Indonesia." Batu Pahat : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jaizah bt Mahamud, Muhammad Khairuddin Lim b. Abdullah dan Ibrahim b. Md Nor (2001). "Tinjauan Terhadap Penerapan Unsur Patriotisme Melalui Mata Pelajaran Kajian Tempatan Di Kalangan Guru Pelatih Semasa Menjalani Praktikal." Kedah : Kajian Tempatan Jabatan Kajian Sosial Institut Perguruan Darul Aman.

Johnson, R.B and Christensen, L. (2000). "Educational Research : Quantitative and Qualitative approaches." Needham Heights : Allyn and Bacon.

Kam, Foo Kong (2004). "Meningkatkan Minat Pelajar-Pelajar Tingkatan 11 Kepada Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Melalui Kaedah Pembelajaran Berbantuan Komputer." Perak : Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Keledang.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karlin, James (1975). "Classroom Activities Desk Book for Fun and Learning". United States : McGraw-Hill Companies, Inc.

Kellas, James G (1998). "The Politics Of Nationalism and Ethnicity." New York : St Martin Press.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sukatan Pelajaran Sejarah." Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kenneth S.Bordens and Bruce. Abbott (2001). Research and Design Methods : A Approach. United States : McGraw-Hill Companies, Inc.

Krejcie, R.V and Morgan (1970). "Determining Sample Size For Research." Educational and Psychological Measurement

Mahathir Mohamad (1996). "Rancangan Pemasarakatan Perpaduan : Ucapan Pelancaran Rancangan Pemasarakatan Perpaduan" Kuala Lumpur.

Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa dan Fuziah Shaffie (1995). "Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Mohamad Johdi Salleh (2003). "Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah : Perspektif Pelajar-Pelajar." Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insan: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mohd. Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd. Najib Abdul Ghafar. (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). "Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Taib Osman (1998). "Patriotisme Ala Malaysia." *Jurnal Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)*. Jilid 1

Mohd. Taib Osman (2004). "Globalisasi, Patriotisme dan Isu-Isu Kemasyarakatan." Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Mok Soon Sang (1991). "Pedagogi 2 : Strategi Pengajaran-Pembelajaran, Pengajaran Mikro dan Persediaan untuk Pengajaran Praktik." Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd

Nik Azleena Nik Ismail (2000) "Kesediaan guru-guru sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. Satu tinjauan di daerah Dungun" *Jurnal Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)*. Jilid 1.

Nor Rofizah Abdul Mutalib, Norashikin Binti Kamaralzaman dan Nur Suhana Binti Suhadi (1999). "Keberkesanan Peranan Guru Dalam Menerapkan Nilai Murni Dalam Diri Pelajar." Jabatan Pendidikan dan Kemanusiaan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Nour Azira bt Nazuri (2001). "Kajian Terhadap Pelaksanaan Nilai-Nilai Murni Merentasi Kurikulum Di Kuittho : Satu Kajian Di Kalangan Pensyarah

Fakulti Teknologi Kejuruteraan.”. Kolej Universiti Tun Hussien Onn Malaysia : Tesis Sarjana.

Pekeliling Perkhidmatan (2003). “Pelaksanaan Kursus Kenegaraan Di Bawah Penilaian Tahap Kecekapan. Kerajaan Malaysia” Putrajaya : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Pembentang Kertas Kerja (1995). “Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad Ke 21 Cabaran Globalisasi dan Pengubahsuaian Sistem Pendidikan Negara: Perspektif Pengurusan Pendidikan.” 7-9 November 1995. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Kuala Lumpur : Malaysia.

Ravitch, D. (2006). “Should We Teach Patriotism.” Bloomington : Phi Delta Kappan International. Vol 87. Iss 8.

Ruhanie Haji Ahmad (2005). “Patriotisme Malaysia : Penangkis Neoimperialisme.” Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.

Saifuddin Abdullah (2000). “Kemerdekaan, Peranan Generasi Anak Merdeka dan Pembinaan Bangsa.” Kumpulan Kertas Kerja Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia.” (Jilid 2). Kuala Lumpur : Arkib Negara Malaysia.

Saifuddin Abdullah (2005). “Patriotisme Alaf Baru”. Kuala Lumpur : Majlis Belia Malaysia (MBM).

Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Wan Roslili Abdul Majid (2001). “Belia dan Masyarakat.” Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Sullivan, T.J (2001). “Methods Of Social Research.” Orlando : Harcourt College Publishers.

Ucapan Perasmian Kejohanan Kanu Kebangsaan Putrajaya dan Kejohanan Kanu MAKSAK Malaysia 2006. Putrajaya : Kementerian Belia dan Sukan Negara.

Utusan Malaysia.(15 Ogos 2005) Rosliwaty Ramly Menjana Patriotisme Yang Kian Gersang.

Utusan Malaysia ( 10 September 2007) Azamin Amin Isu Bakar Bendera- Remaja 17 Tahun Menyerah Diri.

Utusan Malaysia (13 September 2007), Herman Samsudeen Insiden Batu Buruk : Individu Bakar Bendera Sedang Dicari.

Westheimer, J (2006a). "Patriotism and Education : An Introduction." Bloomington : *Phi Delta Kappan International*.

Westheimer, J (2006b). "Politics And Patriotisme In Education." Bloomington : *Phi Delta Kappan International*.

Wiersma, W (1995). "Research Method Education : An Introduction". Massachusetts. Simon and Schuster Company.

Yahya b. Emat (2005). "Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia." Selangor : IBS Buku Sdn Bhd.

Yazid Othman (2002). "Peranan dan Cabaran Wartawan Malaysia : Dalam Memupuk Semangat Patriotisme."

Zairee Zahir (2003). "Martabatkan Sukan Negara." Dewan Siswa.Ogos. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkarnain dan Hishamudin (2001). "Analisis SPSS untuk Windows". Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003). "Pendidikan Negara Bangsa. (Siri Pendidikan)." Pahang : PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH